

D496

U B817 DEB

MAHATHIR-WSJ R'R'R'

DARIPADA AHMAD REJAL ARBEE

NEW YORK, 2 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYATAKAN KEHAIRANNYA DENGAN PETISYEN SEORANG PEMBERITA AKHBAR ASIAN WALL STREET JOURNAL (AWSJ) UNTUK MEMBATALKAN PENGUSIRANNYA KELUAR DARI MALAYSIA.

PETISYEN ITU MENUNJUKKAN PANDANGANNYA SEOLAH-OLAH IA MEMPUNYAI HAK ISTIMEWA UNTUK DATANG KE MALAYSIA DAN BERBUAT APA SAHAJA TETAPI KERAJAAN TIDAK BERHAK UNTUK MENGUSIRNYA.

(JOHN PETER BERTHELSEN, SEORANG DARIPADA DUA ORANG WARTAWAN AWSJ YANG DIPERINTAH KELUAR DARI MALAYSIA, TELAH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN PERINTAH MAHKAMAH MEMBATALKAN KEPUTUSAN KERAJAAN MENGUSIRNYA. MAHKAMAH TINGGI SEMALAM MENOLAK PERMOHONAN ITU).

DALAM SATU PERTEMUAN SEMALAM DENGAN WARTAWAN-WARTAWAN MALAYSIA YANG MENGIKUTINYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ORANG-ORANG ASING TERMASUK PARADIPLOMAT DI AMERIKA SYARIKAT PUN DIUSIR KELUAR KALAU TIDAK DISENANGI OLEH PEMERINTAH.

BELIAU BERKATA WARREN PHILLIPS, KETUA EKSEKUTIF WALL STREET JOURNAL, AKHBAR TERBITAN NEW YORK YANG MENGUASAI AWSJ, MENGUNJUNGINYA PAGI KELMARIN UNTUK MEMBINCANGKAN TINDAKAN KERAJAAN KE ATAS AKHBAR TERBITAN HONG KONG ITU.

+SAYA SETUJU MENEMUINYA WALAU PUN SAYA PERCAYA TAK AKAN ADA APA-APA HASIL DARIPADA PERTEMUAN ITU.+

+SAYA MENERANGKAN TENTANG BERITA-BERITA TAK TEPAT, TAK BENAR DAN YANG MEMBERI GAMBARAN BURUK TERHADAP MALAYSIA DAN BAGAIMANA AWSJ DAN WSJ SENGAJA MENGADAKAN LAPORAN-LAPORAN YANG MEMBURUK-BURUKKAN MALAYSIA.+ -- LAGI.

1825MST 02 10 86

D497

U B818 DEB

MAHATHIR-WSJ 2 NEW YORK

BELIAU MENERANGKAN BAHAWA WSJ MEMBUAT UGUTAN SEOLAH-OLAH TINDAKAN KE ATAS AKHBAR KEPUNYAANNYA ITU AKAN MENJEJASKAN USAHA MALAYSIA UNTUK MENDAPATKAN PELABURAN DARI AMERIKA SYARIKAT.

+SAYA AKUI INI MUNGKIN AKAN BERLAKU TETAPI KALAU PUN IA BERLAKU KITA TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA MEREKA KERANA KITA MEMPUNYAI MARUAH.

+KITA TIDAK MAHU SEBARANG ORANG BOLEH MENGUGUT DAN MEMAKSA KITA MELAKUKAN SESUATU YANG MENGHINA KITA. +

BELIAU BERKATA PENJELASANNYA MENGENAI HAL INI KEPADA PELABUR-PELABUR AMERIKA SYARIKAT KELMARIN NAMPAKNYA DITERIMA.

KATANYA RAMAI YANG MENYATAKAN PERASAAN SIMPATI TERHADAP MALAYSIA DAN FAHAM TENTANG MASALAH YANG DIWUJUDKAN OLEH ASIAN WALL STREET JOURNAL.

PERDANA MENTERI MENERANGKAN BAHAWA WALAUPUN WSJ MEMPUNYAI PENGARUH TERHADAP PELABUR-PELABUR AMERIKA SYARIKAT, MEREKA YANG BENAR-BENAR BERMINAT UNTUK MELABUR DI MALAYSIA AKAN MENDAPATKAN MAKLUMAT SEBENAR DARIPADA PUNCA-PUNCA LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMEMANGNYA MANA-MANA PELABUR PUN AKAN MELABUR DENGAN DORONGAN MENDAPAT PULANGAN KEUNTUNGAN.

+MEREKA AKAN MELABUR BUKAN KERANA BERSIMPATI ATAU PUN SEBAB-SEBAB LAIN TETAPI HANYALAH UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN DAN HAKIKAT INI HARUSLAH DITERIMA,+ KATANYA. -- LAGI.

1828MST 02 10 86

D499

U 8819 DEB  
MAHATHIR-WSJ 3 NEW YORK R R R

BELIAU BERKATA SATU ROMBONGAN DARI AMERIKA SYARIKAT AKAN MELAWAT MALAYSIA MULAI 6 OKT UNTUK MENINJAU KEMUNGKINAN PELABURAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN KINI MEMBERI TUMPUAN KEPADA USAHA-USAHA UNTUK MENINGKATKAN PELUANG PEKERJAAN DAN SEDANG MENGGALAKKAN PELABURAN TANPA MENEKANKAN HAL-HAL PEMBAGIAH SAHAM.

SALAH SATU USAHA INI IALAH MEMBERI KELONGGARAN SYARAT MEMBOLEHKAN PELABUR ASING MEMILIKI SEHINGGA 100 PERATUS SAHAM TERTAKLUK KEPADA BEBERAPA SYARAT YANG DIUMUMKAN DUA HARI LALU.

BELIAU JUGA MENYERU PENGELUAR-PENGELUAR BARANGAN DI MALAYSIA MENERIMA HAKIKAT BAHAWA HARGA BARANGAN SEPerti GETAH, MINYAT SAWIT DAN TIMAH TIDAK AKAN PULIH KE PERINGKAT TINGGI SEPerti DAHULU.

KATANYA BANYAK ORANG BERPENDAPAT EKONOMI DUNIA AKAN PULIH DAN HARGA BARANGAN AKAN NAIK SEMULA TETAPI BELIAU TIDAK FIKIR KENAIKAN HARGA BARANGAN ITU AKAN BERLAKU DENGAN ADANYA BAHAN-BAHAN GANTIAN. KALAU PUN ADA PERUBAHAN, KENAIKAN AKAN HANYA SEDIKIT SAHAJA.

BELIAU MENASIHATI PARA PENGELUAR BARANGAN Mencari JALAN LAIN BAGI MENENTUKAN PENGELUARAN MEREKA EKONOMIK SECARA MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYEBUT ADA BEBERAPA LADANG GETAH DAN KELAPA SAWIT YANG DAPAT MENGELUARKAN BARANGAN ITU DENGAN KOS YANG LEBIH RENDAH DARIPADA PENGELUAR-PENGELUAR LAIN KHUSUSNYA FELDA YANG KATANYA MEMPUNYAI KOS PENGELUARAN YANG AGAK TINGGI. -- LAGI.

1831MST 02 10 86

U 8820 DEB  
MAHATHIR-WSJ 4 NEW YORK R R R

BELIAU MENYERU MEREKA INI MENCONTOHI CARA-CARA YANG DILAKUKAN OLEH LADANG-LADANG GETAH YANG BOLEH MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN.

MENGENAI RUNDINGANNYA DENGAN SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA SYARIKAT GEORGE SCHULTZ, PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA TELAH BERBINCANG BEBERAPA PERKARA TERMASUK SOAL DADAH.

SCHULTZ MENYATAKAN SOKONGAN AMERIKA SYARIKAT TERHADAP TINDAKAN-TINDAKAN YANG DIJALANKAN OLEH MALAYSIA UNTUK MEMERANGI DADAH.

MASALAH DADAH JUGA TELAH MENJADI SATU MASALAH BESAR DI AMERIKA SYARIKAT HINGGA MEMBABITKAN KANAK-KANAK YANG BARU BERUMUR 10 TAHUN DENGAN SATU JENIS DADAH BARU YANG DIPANGGIL +CRACK.+

DADAH INI AMAT BERBAHAYA KERANA SESEORANG BOLEH MENJADI PENAGIH HANYA DENGAN MENCUBANYA SEKALI SAHAJA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGHURAIKAN CADANGANNYA SUPAYA DIWUJUDKAN SATU PASUKAN ANTARABANGSA YANG KUAT YANG BOLEH MEMBANTU KERAJAAN-KERAJAAN TERTENTU MEMUSNAHKAN POKOK-POKOK DADAH SEPerti POPI DAN KOKA (YANG MENGELUARKAN KOKAIN) YANG DITANAM DI NEGARA-NEGARA ITU.

KAWASAN-KAWASAN YANG DITANAMI LADANG DADAH ITU BIASANYA DIKAWAL RAPI OLEH PASUKAN BERSENJATA SINDIKET DADAH DAN MEREKA INI HARUSLAH DINADAPI DENGAN SATU PASUKAN YANG KUAT AGAR USAHA MENGURANGKAN PENGELUARAN DADAH AKAN BERHASIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI CONTOH BAGAIMANA AMERIKA SYARIKAT PERNAH MENGHANTAR SATU PASUKAN BERSENJATA KE BOLIVIA DENGAN PERSETUJUAN KERAJAAN NEGARA ITU UNTUK MEMUSNAHKAN LADANG KOKA DI SITU.

MENGENAI PERSIDANGAN KEMUNCAK PRESIDEN REAGAN DENGAN PEMIMPIN SOVIET UNION MIKHAIL GORBACHEV DI ICELAND MINGGU DEPAN, PERDANA MENTERI BERKATA INI SATU PERTANDA BAIK UNTUK KEAMANAN DUNIA.

BELIAU BERHARAP PERTEMUAN ITU AKAN MEMBAWA KEPADA PENGURANGAN BELANJA PERTAHANAN.

SALAH SATU SEBAB MASALAH EKONOMI DUNIA SEKARANG IALAH KERANA PERBELANJAAN PERTAHANAN YANG AMAT BESAR OLEH AMERIKA SYARIKAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERHARAP MALAYSIA AKAN DAPAT MENGADAKAN HUBUNGAN YANG LEBIH RAPAT DENGAN ZIMBABWE.

PERDANA MENTERI NEGARA ITU ROBERT MUGABE YANG DITEMUINYA DI SINI TELAH MENUNJUKKAN MINAT TERHADAP RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH DI MALAYSIA DAN AKAN MENGHANTAR BEBERAPA ORANG MENTERI DAN PEGAWAI UNTUK MENINJAU RANCANGAN-RANCANGAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUNDANG ENCIK MUGABE MELAWAT MALAYSIA MANAKALA PERDANA MENTERI NEGARA AFRIKA ITU PULA MENJEMPUTNYA MELAWAT ZIMBABWE TAHUN DEPAN. -- BERNAMA.

1837MST 02 10 86